



Dr Mahathir berucap pada pelancaran myPortfolio: Panduan Kerja Sektor Awam dan Panduan Penetapan Tempoh Masa Dalam Carta Alir di Putrajaya, semalam.

PM nafi kedudukan ekonomi negara teruk

> Malaysia mesra pelabur luar, buktikan dakwaan media antarabangsa tidak berasas

Oleh Wan Faizal Ismayatim dan Irwan Shafrizan Ismail
bhbiz@bh.com.my

Tun Dr Mahathir Mohamad menafikan ekonomi negara berada dalam keadaan

teruk hingga pelabur global 'hilang sabar' dan mencari peluang pelaburan di negara lain. Perdana Menteri menegaskan, dakwaan itu seperti dilaporkan media antarabangsa tidak berasas, sebaliknya Malaysia di bawah kerajaan Pakatan Harapan (PH) adalah negara yang mesra pelabur luar.

"Kita bergantung kepada laporan media, kita mendapat markah tinggi sebagai negara yang bagus untuk pelabur, tetapi ada

'pakar yang hebat' kata Malaysia teruk seolah-olah sedang berperang.

"Media kena melaporkan perkara yang betul, jangan lapor berita palsu," katanya kepada media selepas melancarkan myPortfolio: Panduan Kerja Sektor Awam dan Panduan Penetapan Tempoh Masa Dalam Carta Alir di Putrajaya, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan media antarabangsa kononnya pelabur global 'hilang sabar' terhadap Malaysia dan selesa mencari peluang pelaburan di negara lain.

Menurut laporan *Bloomberg*, dana global tidak berminat dengan Malaysia seterusnya memihak kepada pasaran lain dengan saham mencatat pengaliran ke-

luar hampir dalam kesemua 12 bulan yang lalu.

Kedudukan melonjak

Terdahulu, dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, dalam Laporan Mudah Menjalankan Perniagaan 2019 oleh Bank Dunia, kedudukan Malaysia telah melonjak dari tempat 24 kepada kedudukan ke-15 dalam kalangan 190 negara.

Kedudukan itu, katanya meletakkan Malaysia mengatasi beberapa negara maju seperti Perancis (tangga ke-32), Switzerland (ke-38) dan Jepun (ke-39).

"Kita juga berada pada kedudukan keenam di Asia Pasifik selepas New Zealand, Singapura, Hong Kong, Korea Selatan dan Taiwan," katanya.